

GARIS PANDUAN KANDUNGAN BBM CHANNELS

Harap maklum bahawa garis panduan berikut bukan bermaksud untuk dijadikan nasihat undang-undang dan pematuhan terhadap garis panduan ini tidak semestinya membentuk pematuhan undang-undang. Kami berhak, atas budi bicara kami semata-mata, mengalih keluar sebarang Kandungan yang melanggar garis panduan ini atau dianggap tidak sesuai.

1. Am.

- a. Anda bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan bahawa siaran, iklan dan promosi anda (secara bersama, “Kandungan”) mematuhi semua undang-undang, peraturan, garis panduan dan kod industri yang dilaksanakan.
- b. Tanpa mengehadkan perkara yang disebut di atas, jika Kandungan anda ditujukan hanya kepada pengguna dalam kumpulan umur tertentu atau lebih tua, atau yang tinggal di kawasan bidang kuasa tertentu, dan umur atau bidang kuasa pengguna tidak dapat ditentukan, anda tidak boleh memaparkan Kandungan anda kepada pengguna tersebut. Walaupun kami mungkin menyediakan kawalan untuk membantu anda menangani perkara ini, kami tidak membuat sebarang pengakuan berkenaan dengan kecukupan sebarang kawalan yang disediakan dan anda akhirnya bertanggungjawab mewujudkan pengehadan yang mematuhi undang-undang untuk setiap negara tempat kandungan anda dipaparkan.
- c. BBM Channels bertujuan untuk membenarkan pentadbir Saluran menyiarkan dan memaparkan Kandungan yang berkaitan dengan jenama, organisasi, peristiwa atau individu yang ditampilkan di Saluran tersebut. Saluran tidak boleh digunakan untuk memaparkan pengiklanan pihak ketiga dan anda tidak boleh menyewa, memajak atau menyediakan Saluran Anda untuk tujuan sebegitu.
- d. Kandungan tidak boleh bersifat atau mempunyai kandungan yang palsu, mengelirukan, menipu atau memperdayakan.
- e. Jika Kandungan anda menyertakan pautan ke laman web, produk atau perkhidmatan yang dipromosikan dalam Kandungan mestilah dinyatakan dengan jelas pada halaman pendaratan untuk laman seperti itu, dan pautan tersebut mestilah tidak menghala ke laman pancingan data, perisian hasad atau kod atau laman berbahaya lain yang tidak dapat dielakkan dengan mudah oleh pengguna.
- f. Kandungan tidak boleh mencero boh atau melanggar hak mana-mana pihak ketiga, termasuk hak cipta, tanda dagangan, privasi, publisiti atau hak harta intelektual atau proprietari yang lain.
- g. Kandungan tidak boleh menyertakan pengiklanan atau pautan kepada kandungan pihak ketiga untuk tujuan menghasilkan pendapatan daripada hubungan atau bentuk pemasaran berasaskan prestasi yang lain.

- h. Kandungan tidak boleh membayangkan sebarang hubungan atau perkongsian dengan BlackBerry atau mana-mana syarikat gabungan kami tanpa kebenaran bertulis yang jelas daripada kami.
2. **Kandungan Terhad.** Kandungan tidak boleh menyertakan atau mempromosi mana-mana yang berikut:
- a. Kandungan dewasa, termasuk majalah, buku imej, filem dewasa atau pornografi atau bahan lain yang menampilkan kebogelan, kebogelan separa atau kandungan seksual.
 - b. Kandungan bersifat benci, ganas, membuli atau diskriminasi, termasuk:
 - i. Menyokong penentangan terhadap individu atau kumpulan yang dilindungi berdasarkan bangsa atau asal etnik, warna, negara asal, agama, perkaitan politik, kecacatan, umur, status veteran atau orientasi seks/identiti jantina;
 - ii. Keganasan terhadap orang atau haiwan, atau mencederakan diri sendiri atau kandungan yang berkaitan;
 - iii. Organisasi atau individu yang menggalakkan kebencian, tindakan atau kandungan berkaitan jenayah atau keganasan; atau
 - iv. Buli dan gangguan, seperti siaran dan ulasan yang kerap, disasarkan dan tidak diingini yang bertumpu kepada individu.
 - c. Alkohol, tembakau, senjata atau perjudian, kecuali dibenarkan oleh undang-undang yang dilaksanakan, dan hanya dengan mematuhi undang-undang dan kod industri, garis panduan, lesen dan kebenaran yang dilaksanakan, dan hanya jika Kandungan seperti itu boleh dihadkan kepada pengguna pada peringkat umur dan bidang kuasa yang disyaratkan.
 - d. Dadah haram atau rekreasi atau aksesori dadah.
 - e. Produk atau perkhidmatan yang menyalahi undang-undang, atau produk dan perkhidmatan yang melanggar hak pihak ketiga atau privasi atau hak perlindungan data individu lain yang dilaksanakan.
 - f. Perisian yang mengandungi sepenuhnya atau sebahagian daripada perisian intipan atau perisian hasad, atau yang mengakibatkan pengalaman pengguna yang tidak dijangka, menipu atau tidak adil.